



**KEMENTERIAN PERUSAHAAN
PERLADANGAN DAN KOMODITI**

**PANDUAN PERMOHONAN LESEN DI BAWAH AKTA
INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007**

(AKTA 666)

**Bahagian Biobahan Api
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
2020**

Senarai Kandungan

1.	Latarbelakang	2
2.	Aktiviti-Aktiviti Yang Dilesenkan	2
3.	Pelaksanaan Proses Permohonan Lesen.....	3
4.	Tanggungjawab Pemegang Lesen	6
5.	Pembaharuan Lesen.....	6
6.	Pindah Milik Lesen.....	7
7.	Perubahan Maklumat Atau Butir-Butir Lesen.....	8
8.	Pembatalan Atau Penggantungan Lesen	8

PANDUAN PERMOHONAN LESEN DI BAWAH AKTA INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2007

1. LATARBELAKANG

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan bagi prosedur yang digunakan dalam proses permohonan lesen untuk aktiviti-aktiviti industri biobahan api selaras dengan Akta Industri Biobahan Api 2007 (Akta 666). Garis panduan ini juga bertujuan untuk membekalkan maklumat serta membantu pemohon lesen memenuhi dan mematuhi kriteria yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Industri Biobahan Api Malaysia (Pelesenan) 2008 (P.U. (A) 404).

2. AKTIVITI-AKTIVITI YANG DILESENKENA

Aktiviti-aktiviti yang dilesenkenan seperti dinyatakan dalam Seksyen 5, Akta 666 adalah seperti berikut:

2.1. Kategori Pengeluaran Bahan Api:

- 2.1.1. Memulakan** untuk membina loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api;
- 2.1.2. Mengeluarkan** apa-apa biobahan api; dan
- 2.1.3. Mengadun** biobahan api dengan bahan api atau biobahan api yang lain.

2.2. Kategori Perniagaan Biobahan Api:

- 2.2.1. Mengeksport** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain

- 2.2.2. **Menyimpan** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain; dan
 - 2.2.3. **Mengangkut** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain.
- 2.3. Kategori Perkhidmatan Biobahan Api:
- 2.3.1. **Mengukur** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain; dan
 - 2.3.2. **Menguji** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain.

3. PROSES PERMOHONAN LESEN

3.1. Pihak yang berminat untuk menjalankan aktiviti-aktiviti biobahan api yang perlu dilesenkan dikehendaki memiliki lesen yang sah terlebih dahulu. Permohonan lesen perlu dibuat secara bertulis kepada Bahagian Biobahan Api (BBA), Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi (MPIC) dengan mengisi borang-borang permohonan mengikut aktiviti yang hendak dilesenkan.

- 3.1.1. Borang **MPI(L)PBF1** digunakan untuk aktiviti berikut:
- a) **Memulakan** untuk membina loji biobahan api atau loji pengadunan biobahan api;
 - b) **Mengeluarkan** apa-apa biobahan api; dan

- c) **Mengadun** biobahan api dengan bahan api atau biobahan api yang lain.

3.1.2. Borang **MPI(L)DBF1** digunakan untuk aktiviti berikut:

- a) **Mengeksport** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain;
- b) **Menyimpan** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain; dan
- c) **Mengangkut** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain.

3.1.3. Borang **MPI(L)SBF1** digunakan untuk aktiviti berikut:

- a) **Mengukur** biobahan api, biobahan api yang diadunkandengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain; dan
- b) **Menguji** biobahan api, biobahan api yang diadunkan dengan bahan api lain atau biobahan api yang diadunkan dengan biobahan api yang lain.

- 3.2. Borang permohonan yang lengkap serta sebarang maklumat atau dokumen tambahan perlu dikemukakan kepada urus setia untuk diproses. Hanya borang yang lengkap sahaja akan diproses.
- 3.3. Borang yang dihantar secara elektronik atau faks akan disemak terlebih dahulu oleh urus setia. Sekiranya permohonan yang dikemukakan adalah lengkap berdasarkan kriteria yang ditetapkan, borang permohonan asal perlu dicetak, diisi dengan lengkap dan ditandatangani pemohon. Permohonan perlu dikemukakan dalam bentuk “*hard copy*” ke MPIC melalui alamat berikut:

Setiausaha Bahagian
Bahagian Biobahan Api
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
Faks: 03-8887 8354
E-mel: bba@mpi.gov.my

- 3.4. Pemohon juga dikehendaki untuk mengemukakan sebarang dokumen atau maklumat lanjut yang diperlukan oleh urus setia sekiranya diminta berbuat demikian. Permohonan akan disemak berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan serta berdasarkan senarai semak borang permohonan.
- 3.5. Surat Akuan Penerimaan hanya akan dikemukakan kepada pemohon selepas menerima borang yang lengkap berserta dokumen-dokumen atau maklumat berkaitan yang sah.
- 3.6. Laporan penilaian bagi permohonan yang lengkap serta memenuhi kriteria akan disediakan oleh urus setia. Laporan penilaian yang telah disediakan akan diangkat untuk pertimbangan dan perakuan oleh Jawatankuasa Kerja Pelesenan Biobahan Api (JKPBA).
- 3.7. Ketua Setiausaha Kementerian selaku Pihak Berkuasa Pelesenan (PBP) akan meluluskan permohonan serta pengeluaran lesen berdasarkan syor JKPBA atau keputusan lain yang difikirkan wajar.
- 3.8. Notis kelulusan akan dikeluarkan kepada pemohon yang berjaya selepas PBP meluluskan permohonan lesen.

- 3.9. Surat Edaran Lesen berserta lesen akan dikemukakan kepada pemohon yang telah membuat pembayaran fi lesen berdasarkan bukti pembayaran melalui resit rasmi yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan, Pengurusan dan Kewangan (PPK), MPIC.
- 3.10. **Fi** bagi permohonan lesen adalah sebanyak **RM100 bagi setiap aktiviti yang diluluskan bagi tempoh tiga (3) tahun.**

4. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG LESEN

- 4.1. Pemegang lesen dikehendaki pada setiap masa mempamerkan lesennya di tempat yang mudah dilihat dalam premis perniagaan di mana aktiviti itu dijalankan.
- 4.2. Pemegang lesen dikehendaki mengemukakan lesen tersebut jika dikehendaki berbuat demikian oleh PBP atau pegawai penguatkuasa.
- 4.3. Pemegang lesen hendaklah menyimpan, merekod, menyenggara dan mengemaskini rekod harian dan buku akaun yang benar dan tepat berhubung dengan aktiviti yang dinyatakan dalam lesen.

5. PEMBAHARUAN LESEN

- 5.1. Pemegang lesen hendaklah membuat **permohonan pembaharuan lesen dalam tempoh tidak kurang daripada satu bulan tetapi tidak awal daripada tiga bulan daripada tarikh tamat lesen.**
- 5.2. Lesen yang tidak diperbaharui dalam tempoh setahun selepas tarikh tamat lesen tidak boleh dalam apa-apa hal keadaan diperbaharui.

- 5.3. Bagi pemegang lesen yang tidak pernah menjalankan aktiviti yang dilesenkan sehingga tamat tempoh lesen (maksimum 3 tahun), pemegang lesen diberi peluang untuk memperbaharui lesen (maksimum 2 tahun atau 1 tahun) setelah representasi bertulis dikemukakan kepada PBP. Walaubagaimanapun, PBP boleh membatal dan menggantung lesen tersebut sekiranya tiada sebarang aktiviti yang dilesenkan dilaksanakan.

6. PINDAH MILIK LESEN

- 6.1. Pemegang lesen dikehendaki mengemukakan permohonan bertulis kepada PBP berserta dengan maklumat yang berkaitan bagi tujuan pindah milik lesen.
- 6.2. Syarikat baharu yang berhasrat untuk mengambil alih lesen daripada syarikat pemegang lesen dikehendaki mengemukakan permohonan bertulis kepada PBP berserta dengan maklumat yang berkaitan bagi tujuan tersebut.
- 6.3. Pindah milik lesen adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut :
- 6.3.1. Lesen yang ingin dipindah milik masih berkuat kuasa;
- 6.3.2. Premis yang dinyatakan dalam lesen asal tidak berubah; dan
- 6.3.3. Syarikat yang telah digulung/ bankrap perlu melantik pengurus pengambilalihan. Dokumen persetujuan berikut perlu disediakan oleh pengurus pengambilalihan seperti :
- surat pelantikan daripada pemegang lesen kepada pengurus pengambilalihan bagi mengurus proses pengambilalihan; atau
 - klaus kebenaran pindah milik lesen yang dinyatakan dalam resolusi syarikat (mesyuarat lembaga pengarah syarikat); atau
 - bukti persetujuan syarikat untuk memindahkan lesen tersebut (contoh :dokumen persetujuan ahli lembaga pengarah atau apa-apa dokumen lain yang setara) perlu dikemukakan.

- 6.3.4. Sebagai kawalan tambahan ke atas lesen, permohonan memindah milik oleh syarikat pemegang lesen kepada syarikat baharu hanya dibenarkan selepas tiga (3) tahun syarikat beroperasi kecuali syarikat telah bankrap / digulung.

7. PERUBAHAN MAKLUMAT ATAU BUTIR-BUTIR LESEN

- 7.1. Pemegang lesen yang ingin menukar maklumat atau butir-butir lesen perlu memohon kepada urus setia secara bertulis mengenai perubahan maklumat atau butir-butir yang ingin diubah dalam masa empat belas hari (14) daripada tarikh perubahan tersebut.
- 7.2. Lesen asal hendaklah dikemukakan kepada urus setia bagi tujuan pindaan maklumat atau butir-butir lesen **selepas pindaan diluluskan oleh PBP**.
- 7.3. Perubahan kepada maklumat atau butir-butir lesen akan dikenakan fi sebanyak RM100 bagi setiap permohonan yang dibuat.

8. PEMBATALAN ATAU PENGGANTUNGAN LESEN

- 8.1. Pihak Berkuasa Pelesenan berhak untuk membatalkan lesen jika terbukti:
- 8.1.1. Mana-mana undang-undang atau syarat lesen tidak dipatuhi;
- 8.1.2. Lesen diperoleh dengan maklumat palsu;
- 8.1.3. Maksud asal lesen itu dikeluarkan tidak lagi wujud; dan
- 8.1.4. Aktiviti yang dilesenkan tidak lagi dijalankan.

- 8.2. PBP akan memaklumkan kepada pemegang lesen secara bertulis berkenaan peruntukan yang telah dilanggar dan butir-butir keadaan pelanggaran tersebut.
- 8.3. Pemegang lesen hendaklah membuat representasi secara bertulis kepada PBP bagi menerangkan mengapa lesenya tidak patut dibatalkan atau digantung dalam tempoh dua puluh satu (21) hari daripada tarikh notis pembatalan atau penggantungan dikeluarkan.
- 8.4. PBP boleh membatalkan dan menggantung lesen pemegang lesen tersebut sekiranya PBP tidak berpuas hati terhadap representasi pemegang lesen atau pemegang lesen gagal menunjuk sebab yang munasabah mengapa lesenya tidak patut dibatalkan atau digantung.
- 8.5. Urus setia akan memaklumkan kepada syarikat mengenai keputusan representasi itu dalam tempoh enam puluh (60) hari bekerja daripada tarikh penerimaan representasi diterima daripada syarikat.

**Bahagian Biobahan Api
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
2020**

